



Semua Pelajar Program Prasiswazah
Fakulti Teknologi & Sains Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia

Saudara/i,

**PENGESAHAN KURSUS DAN DRAF JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II SESI AKADEMIK 2017-2018**

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa peperiksaan akhir Semester II Sesi Akademik 2017-2018 akan diadakan pada **28 Mei hingga 14 Jun 2018**.

Sehubungan itu, saudara/i dikehendaki membuat pengesahan kursus Semester II Sesi Akademik 2017-2018 melalui SMPE mulai **9 hingga 15 April 2018**. Dalam paparan di SMPE akan tersenarai kursus yang saudara/i daftar pada semester ini, saudara/i perlu menekan butang SAH jika semua kursus dipaparkan adalah betul. Semua pelajar **perlu** membuat pengesahan kursus ini untuk memastikan semua kursus yang saudara/i daftarkan telah tersenarai di dalam senarai pendaftaran kursus semasa. Saudara/i yang gagal membuat pengesahan kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan akan dikenakan denda sebanyak **RM50.00**.

Draf jadual peperiksaan akhir Semester II Sesi Akademik 2017-2018 akan dipaparkan di laman web PKP bermula **10 April 2018**. Sekiranya terdapat percanggahan jadual peperiksaan, saudara/i dikehendaki memaklumkan kepada Unit Peperiksaan dan Pengijazahan PKP melalui emel mazuna@ukm.edu.my selewat – lewatnya pada **16 April 2018**.

Sekiranya saudara/i gagal membuat pengesahan atau pembedulan terhadap maklumat tersebut, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap. Jika semasa peperiksaan, saudara/i tidak hadir bagi kursus - kursus berkenaan, saudara/i akan diberi gred E (gagal).

Jadual Waktu Peperiksaan muktamad dipaparkan dalam Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) dan boleh dicetak dari SMPE mulai **11 Mei 2018**. Pelajar dinasihatkan menjelaskan yuran yang tertunggak **2 minggu lebih awal** daripada tarikh tersebut untuk mengelakkan sebarang kesulitan.


Saudara/i dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan persiapan saudara/i menduduki peperiksaan berjalan dengan lancar.

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 4073 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



MAZUNA JAMALUDDIN

Eksekutif Kanan

Unit Peperiksaan dan Pengijazahan

- s.k. - Ketua Bahagian Pengurusan Akademik
- Penyelaras Program
- Eksekutif, Unit Pengurusan Program dan Rekod Pelajar

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 3376 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: mazuna@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my